

## IPT, industri bekerjasama

**LIMBONGAN** - Kerjasama antara institusi pengajian tinggi (IPT) dengan industri dalam membangunkan sistem pendidikan dan juga masyarakat akan mempercepatkan usaha menjadikan Malaysia negara maju.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kerjasama itu dapat memperkukuhkan minat pelajar apabila kepakaran dimiliki IPT dan industri dibawa terus kepada masyarakat.

Menurutnya, kolaborasi itu juga akan mempercepatkan proses memajukan sesebuah masyarakat dan kawasan kerana kepakaran yang ada dapat dikongsi bersama rakyat.

"Usaha bersama ini tentu akan menjadikan Besut sebagai daerah yang berjaya, selain kerjasama dilaksanakan di tempat lain," katanya yang juga Ahli Parlimen Besut pada program 'Sains on Wheels' anjuran Perbadanan Pembangunan Multimedia (Mdec) di SK Permaisuri Nur Zahirah dekat Kampung Raja, di sini.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Talent

Mdec, Muhammad Imran Kunalan Abdullah.

Sementara itu, kata Muhammad Imran, program sehari dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan beberapa rakan industri industri lain itu diadakan untuk menarik minat pelajar terutama dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT).

Katanya, di peringkat Besut, sebanyak 20 sekolah menengah terpilih membabitkan kira-kira 100 pelajar yang dilaksanakan di SK Permaisuri Nur Zahirah, dengan dibantu 40 pelajar dan enam pensyarah UMT serta Unisza sebagai mentor.

"Program ini dirangka khas Mdec sebagai peneraju utama agenda ICT nasional menerusi inisiatif Koridor Raya Multimedia Malaysia bagi mendekati dan menyemai minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), serta peluang kerjaya dalam bidang ICT," katanya.



Idris bersama peserta program 'Sains on Wheels' di SK Permaisuri Nur Zahirah.

SINAR HARIAN 17/11/2014